

JET からの手紙

成長の扉

鹿児島県日置市国際交流員

Nurulhuda binti Shafiee (ヌルルフダ・ビンティ・シャフィイ)

日本の大学に留学していた頃、ある日本人女性が派手なマレーシア民族衣装を着た私のそばを通るとき、目を丸くして驚いた顔をしていました。その女性はマレーシアのことをあまり知らないの、頭にヒジャブを被っている私を見かけると、そういう態度を取ってしまうのだと思いました。それをきっかけに、マレーシアについてもっと日本人に知ってもらいたいという夢を持つようになりました。

大学を卒業し、マレーシアに帰国したあと、ある日系企業に勤めましたが、2017年に在マレーシア日本大使館で面接を受けて鹿児島県日置市に国際交流員として派遣されることになりました。来日する前はすごく緊張していましたが、私の夢を実現させることを楽しみにしていました。

私は日置市役所吹上支所地域振興課に勤務しています。今までのマレーシア出身の日置市国際交流員は男性でしたが、初めて女性の私が派遣され、周りの人は優しくしてくれて差別された経験は一度もありません。なんと、この初代国際交流員は私のマレーシア大学時代の日本語の先生でした。また、日本語を勉強するきっかけは、マレーシアを訪れる鹿児島県親善大使派遣事業に参加した子どもが、私の小学校を訪ね、その子からドラえものの漫画を貰ったことでした。これらの出来事で、鹿児島県と日置市との縁を感じました。

友好都市

日置市とマレーシアスバンジャヤ市は2012年に友好都市提携協定を締結しました。私は両市の架け橋として、文化交流や環境問題に関しての意見交換等の場において通訳などをしています。

マレーシアのスバンジャヤ市は日置市の生ごみのリサ



スバンジャヤ市の訪問団・生ごみ管理の勉強会

イクルへの取り組みを学び、スバンジャヤ市にも活かせるように環境を大事にする政策を実施しています。2019年3月にスバンジャヤ市の訪問団が日置市を訪



意見交換の際に通訳した様子

ね、生ごみ管理センターやリサイクルセンターなどを視察しました。日置市からはマレーシアに日置市民の親善大使を派遣し、スバンジャヤ市のスリアマン村でホーム



2018年日置市マレーシア親善大使派遣事業
(スバンジャヤ市役所を訪れた際)

ステイや文化交流事業を2年に一度行っています。その際、私は随行者・通訳者として日置市親善大使と一緒に訪問しました。

市民との交流

日置市でマレーシアの文化を紹介するために色々な活動に取り組んでいます。例えば、日置市中央公民館でマレーシア文化講座を開き、マレーシアの言葉や伝



マレーシア文化講座の講座生とジャウィ文字を書きました

統的なアートを紹介しています。地域の祭りにもマレーシア交流のブースを出店し、鹿児島県内に住むマレーシア留学生と一緒に舞台上でマレーシアの民謡を演奏しまし



マレーシアダンスグループと一緒に舞台上で踊りました

ダンスグループと一緒に踊りの練習をし、吹上地域文化祭や吹上秋祭りで発表しました。

また、鹿児島県内のさまざまなイベントや講演などでマレーシアに関する紹介を頼まれたこともあります。日置市内の学校を訪問し、子どもたちとマレーシアのゲームや民族衣装の試着体験もしています。



日置市の祭りでの国際交流・マレーシアブース

日本語スピーチコンテスト

日本語力を向上させるため、2019年1月26日に行われた「鹿児島県で世界を語ろう～外国人による日本語スピーチコンテスト」に参加しました。「アラマア」という言葉を通してマレーシア語と日本語の違いや共通点などについて語り、最優秀賞をいただきました。私にとってはいい勉強になり貴重な経験になりました。同じ地球人である私たちは、お互いを差別してはいけないというメッセージも、鹿児島県の方々に伝えることができ達成感を感じました。新聞社から取材を受け、マレーシアや日置市のこともアピールすることができました。



外国人による日本語スピーチコンテスト

JET のみなさんへのメッセージ

国際交流員という仕事をするのは名誉やお金を手に入れるためではなく、それは大きな責任を持つ仕事であるということを理解してほしいのです。国際交流員は国交の改善、相互理解の促進に協力をしないとイケない仕事です。この仕事は私にとって楽しくてやりがいがあるものでした。しかし、体調管理やメンタルヘルスチェックも欠かせません。人間関係や仕事のトラブル、文化の違いという問題はもちろんありますが、相談しやすい相手を見つけて一人で抱え込まないようにしておきましょう。2017年に来日した自分を振り返るとJETのおかげで今の自分は成長していると感じます。心と心の交流をしながら強い自分になり、堅固な架け橋になるために、これからも頑張っていきたいと思います。

プロフィール



Nurulhuda binti Shafiee

マレーシア出身。今年CIRとして勤務し2年目。岡山理科大学電気電子システム学科を卒業。趣味は詩を書くこと、旅行と友達を作ることが大好きです。

JET LETTER

JET : Gerbang Mengembangkan Potensi Diri

Nurulhuda binti Shafiee, Koordinator Hubungan Antarabangsa Bandar Hioki, Kagoshima

Pada tahun 2011, iaitu lapan tahun yang lalu, saya telah melanjutkan pelajaran di Universiti Sains Okayama selama dua tahun dalam bidang Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik. Sewaktu saya melanjutkan pelajaran di Okayama, Jepun, seorang pelajar wanita berbangsa Jepun yang lalu di sebelah saya membulatkan mata dengan raut wajah yang terkejut saat berselisih dengan saya yang lengkap berbadu tradisional Malaysia. Saya merasakan pelajar tersebut pasti tidak mengenali negara Malaysia dengan baik kerana memaparkan reaksi sebegitu rupa sewaktu bertembung dengan saya yang bertudung litup. Sejak peristiwa tersebut saya bercita-cita untuk mempromosi Malaysia di negara Jepun supaya lebih ramai rakyat Jepun mengenali Malaysia dengan baik. Selepas graduan saya pulang ke negara tercinta dan pernah berkhidmat di sebuah syarikat Jepun di Malaysia. Pada tahun 2017, Kedutaan Besar Jepun di Malaysia telah membuka permohonan untuk program JET dan saya telah ditemuduga sebelum dihantar bertugas sebagai Koordinator Hubungan Antarabangsa di Bandar Hioki, Kagoshima. Walaupun saya sangat berdebar sebelum berlepas ke Jepun untuk memulakan hidup baru, saya berasa sangat teruja untuk merealisasikan impian saya selama ini. Di Hioki saya bertugas di pejabat daerah Fukiage bahagian pembangunan kawasan. Selama ini Koordinator Hubungan Antarabangsa di Bandar Hioki adalah lelaki dan saya merupakan wanita pertama yang ditempatkan di sini. Walaupun agak kekok pada mulanya bekerja di tempat baru jauh daripada keluarga dan negara tempat lahir, saya dilayan dengan baik oleh penduduk di sini serta tidak pernah didikriminasi. Untuk pengetahuan semua saya sememangnya berjodoh dengan Bandar Hioki dan Negeri Kagoshima. Mana tidaknya, guru Bahasa Jepun sewaktu saya di zaman universiti dulu adalah Koordinator Hubungan Antarabangsa yang pertama di Bandar Hioki. Selain itu, antara sebab saya mula belajar Bahasa Jepun adalah kerana komik Doraemon yang saya terima daripada peserta delegasi persahabatan dari Kagoshima yang datang melawat ke sekolah rendah saya berbelas tahun yang lalu. Disebabkan saya tidak dapat membaca tulisan Jepun pada komik tersebut, saya telah berazam untuk belajar bahasa Jepun apabila dewasa nanti dan impian saya telah tercapai.

Bandar Persahabatan

Majlis Perbandaran Subang Jaya dan Bandar Hioki telah menandatangani perjanjian persahabatan bandar pada tahun 2012. Sejak itu pelbagai pogram pertukaran budaya dan perkongsian idea telah dilaksanakan antara kedua bandar. Tugas saya adalah menjadi penterjemah dan jambatan penghubung sepanjang pogram pertukaran budaya dan perkongsian idea mengenai masalah alam sekitar yang berlangsung antara dua bandar. Majlis Perbandaran Subang Jaya mempelajari cara pengurusan sampah dari Hioki supaya dapat di praktikkan di Subang Jaya melalui projek penguatkuasaan alam sekitar. Pihak Majlis Perbandaran Subang Jaya juga telah menjalankan pelbagai langkah untuk mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat mengenai kepentingan mengasing sampah. Pada bulan Mac 2019 yang lalu, delegasi dari Majlis Perbandaran Subang Jaya telah mengadakan lawatan rasmi ke pusat pemrosesan sampah sisa baki dan pusat kitar semula di Bandar Hioki. Seramai dua orang Ketua Pengarah dan seorang Penolong Pengarah telah bersama-sama dalam lawatan tersebut diiringi oleh seorang ahli dari Persatuan Alumni Program Dasar Pandang ke Timur. Sepanjang lawatan delegasi Majlis Perbandaran Subang Jaya ke Bandar Hioki saya bertindak menterjemah sesi pertukaran pandangan antara dua bandar dan memberi penerangan mengenai pusat pelancongan dan produk keluaran Bandar Hioki kepada mereka. Selain itu, Bandar Hioki juga menghantar delegasi persahabatan ke Kampung Sri Aman, Subang Jaya untuk pogram Keluarga Angkat dan pertukaran budaya setiap dua tahun sekali. Saya juga bertugas sebagai pegawai mengiringi juga sebagai penterjemah telah bersama-sama dengan delegasi persahabatan dari Hioki ke Malaysia yang mana ahlinya terdiri daripada pelajar sekolah menengah hinggalah dewasa.

Interaksi Dengan Penduduk

Pelbagai aktiviti yang saya lakukan untuk mempromosi Malaysia di Bandar Hioki. Antara aktiviti tersebut adalah membuka kelas kebudayaan Malaysia di Pusat Komuniti Hioki dan memperkenalkan keunikan bahasa, kesenian dan budaya Malaysia kepada pelajar yang hadir ke kelas saya. Selain dari itu saya juga membuka kiosk memperkenalkan Malaysia di festival-festival di Bandar Hioki dan membuat persembahan lagu rakyat bersama pelajar Malaysia di Kagoshima. Saya juga membantu Persatuan Persahabatan Fukiage-Malaysia menganjurkan pelbagai acara seperti kelas masakan Malaysia dan Majlis Hari Raya. Apa yang seronoknya di sini, pelajar-pelajar Malaysia yang belajar di kepulauan Kyushuu akan datang ke Fukiage yang terletak di Bandar Hioki untuk memeriahkan aktiviti-aktiviti pertukaran budaya bersama penduduk Bandar Hioki. Saya juga berlatih setiap minggu bersama-sama kumpulan tariannya Malaysia yang terdiri daripada rakyat Jepun di Fukiage dan membuat persembahan di Pesta Kebudayaan Fukiage serta Pesta Musim Luruh Fukiage setiap tahun. Saya juga dijemput untuk memberi penerangan mengenai Malaysia di pelbagai acara di sekitar Kagoshima. Selain itu saya melawat ke sekolah-sekolah di Bandar Hioki dan mengajar para pelajar

permainan Malaysia serta memberi peluang kepada mereka mencuba pakaian tradisional Malaysia. Pelbagai soalan yang saya terima daripada para pelajar sekolah di Jepun mengenai Malaysia. Antara soalan yang saya terima adalah: Adakah buah Durian berbau sangat busuk? Kenapa saya memakai tudung di kepala?

Pertandingan Pidato Bahasa Jepun

Pada 26 Januari 2019, saya telah menyertai Pertandingan Pidato Bahasa Jepun: Jom Bercerita Mengenai Dunia di Kagoshima bagi mempertingkatkan penguasaan Bahasa Jepun saya serta mengasah kemahiran berkomunikasi saya. Isi penyampaian pidato saya berkisar mengenai perbezaan dan persamaan Bahasa Jepun dan Bahasa Malaysia melalui perkataan Alamak yang melayakkan saya menjadi johan pertandingan Pidato Bahasa Jepun: Jom Bercerita Mengenai Dunia di Kagoshima mengalahkan sembilan orang peserta dari pelbagai negara lain di pusingan akhir. Saya mendapat inspirasi untuk menulis teks pidato mengenai perbezaan dan persamaan kedua negara melalui perbualan dengan penduduk di Bandar Hioki. Seorang wanita pertengahan usia mengajar saya mengenai maksud perkataan Aramak dalam bahasa Jepun yang rupanya mempunyai maksud yang sama dengan perkataan Alamak dalam bahasa Malaysia. Sebagai rakyat Malaysia saya berasa amat gembira dengan kemenangan ini kerana dapat mengharumkan nama negara di samping menyampaikan mesej mengenai masalah dikriminasi yang berlaku di mana-mana saja tanpa mengenal warna kulit mahupun negara. Kemenangan ini juga amat bermakna bagi saya kerana dapat memperkenalkan Malaysia dan Bandar Hioki melalui temubual dengan beberapa akhbar tempatan.

Mesej untuk semua peserta JET

Jawatan sebagai Koordinator Hubungan Antarabangsa bukanlah untuk mencari nama, pangkat mahupun harta tetapi tugas ini datang dengan tanggungjawab yang besar yang perlu digalas oleh setiap peserta. Koordinator Hubungan Antarabangsa perlulah berkerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dan penduduk setempat bagi memupuk persefahaman serta bertindak sebagai jambatan penghubung hubungan antara dua negara. Pekerjaan sebagai Koordinator Hubungan Antarabangsa adalah pekerjaan yang sangat seronok, penuh cabaran serta memberi makna pada diri saya khususnya. Namun begitu, para peserta haruslah memberi perhatian akan kesihatan mental dan fizikal diri masing-masing. Antara cabaran yang pasti akan dihadapi oleh para peserta adalah masalah menyesuaikan diri dengan masyarakat sekeliling, cabaran dalam melaksanakan tugas yang diberi serta masalah perbezaan budaya kedua buah negara. Sebagai contoh, masyarakat Jepun amat jarang melakukan perubahan di saat akhir apabila sesuatu keputusan telah dibuat yang mana agak berbeza dengan budaya di Malaysia yang agak fleksibel yang kadangkala mencetuskan tekanan kepada Koordinator Hubungan Antarabangsa yang berada di tengah perhubungan dua negara. Nasihat yang dapat saya berikan adalah cuba berbincang dengan pegawai di kedua belah pihak dan memaklumkan situasi sebenar yang berlaku serta cuba elakkan daripada menyalahkan diri kerana anda telah mencuba melakukan yang terbaik. Apa yang perlu dilakukan adalah mengendalikannya masalah yang datang dengan bijak bagi menjaga perhubungan kedua negara seperti kata pepatah Melayu, 'tarik rambut dalam tepung, tepung jangan berselerak, rambut jangan putus'. Selain itu elakkan daripada terperangkap dalam masalah seorang diri serta memendam perasaan yang boleh mengakibatkan stress. Cuba cari sahabat untuk berbincang dan mendengar masalah anda. Selain itu cuba untuk bergaul dengan penduduk setempat, serta mencari hobi untuk melupakan sebarang tekanan di tempat kerja.

Saya berasa sangat bertuah kerana terpilih untuk menjadi Koordinator Hubungan Antarabangsa di Bandar Hioki, Kagoshima kerana begitu banyak perkara baru yang saya belajar melalui tugas saya di sini. Bukan sahaja saya mempunyai ramai kawan dari pelbagai lapisan umur saya juga dapat belajar mengenai budaya hidup masyarakat Jepun dengan lebih dekat lagi serta mengasah kemahiran bahasa Jepun saya. Apabila saya menoleh kebelakang melihat diri saya sewaktu pertama kali bertugas sebagai Koordinator Hubungan Antarabangsa pada Ogos 2017, saya berasa bangga kerana banyak pencapaian dan aktiviti yang telah saya laksanakan. Ternyata Program JET merupakan platform untuk saya mengembangkan potensi diri saya untuk melangkah lebih jauh lagi di masa hadapan. Azam saya adalah agar saya dapat menjadi Koordinator Hubungan Antarabangsa yang sentiasa menjalankan hubungan hati ke hati dengan semua pihak serta berusaha menjadi jambatan penghubung yang tak mudah roboh dek angin cabaran yang mendatang.

Profile—

Puan Nurulhuda binti Shafiee bertugas sebagai Koordinator Hubungan Antarabangsa di Bandar Hioki, Kagoshima. Beliau merupakan graduan lepasan Universiti Sains Okayama dalam bidang Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik. Tahun ini merupakan tahun kedua beliau bertugas di Bandar Hioki. Hobi beliau adalah menulis puisi, melancong dan menambah kenalan baru.

マレー語